

29/07/2001

Profesional perlu kikis budaya puas hati: PM

Jamhariah Jaafar

SHAH ALAM: Kakitangan profesional dalam bidang teknologi perlu mengikis budaya mudah berpuas hati, sebaliknya terus melakukan penyelidikan bagi memperbaiki prestasi setiap ciptaan mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dengan teknologi yang semakin pantas berubah setiap hari, ciptaan yang dikatakan canggih hari ini mungkin tidak lagi yang terbaik pada hari esok.

"Kita sekarang berada dalam satu zaman yang cukup `exciting' (menyeronokkan). Berlaku terlalu banyak perubahan sehinggakan pelaburan berjuta ringgit yang kita buat hari ini boleh mendatangkan kerugian, semata-mata kerana ada teknologi lebih canggih dicipta selepas itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap kepada kira-kira 500 kakitangan Sirim ketika mengadakan lawatan kerja ke ibu pejabat agensi penyelidikan berkenaan, semalam.

Katanya, antara pelaburan yang merugikan kerajaan ialah projek menanam kabel untuk tujuan telekomunikasi bernilai berjuta ringgit yang kini tidak lagi sesuai, selepas munculnya teknologi hubungan tanpa wayar (wireless) yang semakin hari semakin maju.

Justeru, beliau berkata agensi penyelidikan seperti Sirim perlu memiliki sikap dan budaya untuk terus memperbaiki ciptaan mereka, walaupun yang dianggap tercanggih buat masa ini.

Pada lawatan kira-kira tiga jam itu, Perdana Menteri antara lain diberi taklimat dan menyaksikan beberapa ciptaan menarik termasuk teknologi baru untuk menghasilkan produk kraftangan tempatan.

Antara produk yang dipamerkan ialah sistem pengeluaran kemenyan separuh automatik, pelancar automatik untuk alat tenun tradisional, sistem mencanting bersepadu berbantuan komputer dan pengenalan akses sistem keselamatan yang dinamakan e-Jari.

Pada sidang akhbar selepas itu, Perdana Menteri berkata beliau tidak pernah berpuas hati dengan pencapaian teknologi Malaysia sekarang tetapi menghargai perkembangan pesat yang dihasilkan oleh agensi penyelidikan seperti Sirim.

"Ramai pengeluar produk kini semakin percaya kepada keupayaan Sirim dan sedia untuk membeli produk yang dicipta mereka.

"Sirim kini berada di landasan yang betul tetapi mereka perlu membuat lebih banyak penyelidikan," katanya.

(END)